

**RITUAL DALAM UPACARA GAWE PADI MASYARAKAT SALAKO DI DAERAH
SEMATAN, LUNDU SARAWAK**
***rites in 'Gawe Padi' Ceremony of the Salako Community
Heritage, Sematan, Lundu Sarawak***

*Dyg Hadzlina Quintan Binti Haji Abg Shokeran & Mohamad Maulana Magiman²

Jabatan Sains Sosial, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia
Kampus Bintulu Sarawak, Bintulu, Malaysia

* princess_hazel83@yahoo.com

ABSTRAK

Masyarakat Salako merupakan etnik minoriti yang terdapat di Sarawak. Masyarakat ini telah berhijrah ke kawasan Sematan, Lundu Sarawak sekitar tahun 1920an dari Kalimantan Barat atas faktor mencari tanah yang subur untuk menjalankan pertanian. Selain itu, mereka turut mencari penempatan kerana lari daripada Perang Kayau yang wujud di kediaman mereka. Makalah mengenai ritual dalam upacara padi masyarakat Salako masih belum ditemui berbanding upacara padi masyarakat Iban, Kadazan dan Kadayan. Masyarakat Salako masih mengekalkan budaya yang diwarisi secara turun temurun dan mereka sangat berpegang teguh bahawa sekiranya adat tersebut tidak diamalkan akan mendatangkan kemudaratan kepada diri, keluarga dan masyarakat. Makalah ini akan membincangkan ritual dan makna simbol yang terdapat di dalam upacara Gawe Padi masyarakat Salako di daerah Sematan, Lundu Sarawak. Walaupun masyarakat Salako telah ramai menganut agama Islam dan Kristian, namun mereka tetap mengamalkan adat ini dan upacara dijalankan secara bergotong-royong tanpa mengira agama yang dianuti. Interpretasi makna simbol yang terdapat di dalam ritual upacara Gawe Padi pula mempunyai maksud tersirat dan hanya difahami oleh pengamalannya sahaja bagi memastikan ritual yang dilaksanakan dapat memberikan kesejahteraan kepada masyarakatnya. Terdapat tiga fokus utama makalah ini iaitu untuk mengenal pasti ritual dalam upacara Gawe Padi; mengenalpasti simbol-simbol dalam ritual upacara Gawe Padi; dan menganalisis makna simbol dalam upacara Gawe Padi. Bagi mencapai fokus tersebut terdapat beberapa siri kerja lapangan akan dikendalikan di lokasi kajian. Kaedah kajian seperti temu bual secara individu dan kumpulan, pemerhatian secara langsung, fotografi dan rakaman video akan digunakan dalam kerja lapangan. Hasilnya, penyelidikan ini dijangka akan mengenal pasti, mengklasifikasi dan menganalisis makna simbol dalam ritual upacara Gawe Padi masyarakat Salako, Sarawak yang belum pernah dikaji oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Teori-teori dan interpretasi baharu terhadap simbol-simbol dalam ritual upacara Gawe Padi turut akan ditemui melalui analisis yang bakal dilakukan dalam penyelidikan ini.

Kata kunci: Ritual, simbol, upacara Gawe Padi, Masyarakat Salako

ABSTRACT

The Salako community is an ethnic minority in Sarawak. They migrated to Sematan in the district of Lundu, Sarawak in the 1920s from West Kalimantan in order to look for rich soil for agriculture. They also came to Sematan in search of new settlement as they escaped from Kayau War at their place of origin. Articles regarding this ritual in padi ceremony of the Salako community have not been found as compared to padi ceremony of the Ibans, Kadazans and Kadayans. The Salako community still preserves this inherited culture for generations, and they believe that if this custom is not practised, some form of harm will come to an individual, family and community. This article will try to discuss ritual and symbol meanings in Gawe Padi ceremony of the Salako community in Sematan, the district of Lundu, Sarawak. Although most of the Salako people have converted to Islam and Christianity, this custom is still practiced collectively regardless of their different religions. The interpretation of symbol meanings in this ritual ceremony has hidden meaning. This hidden meaning is only understood by the practitioner so as to ensure the ritual brings peace to the community. This article will focus on three issues which are to identify the ritual in Gawe Padi ceremony; to identify symbols in the ritual of Gawe Padi, and to analyse symbol meanings in Gawe Padi ceremony. In order to achieve these objectives some fieldwork will be conducted at the research location. Research method such as individual and group interviews, direct observation, photography and video recordings will be utilised. This research finding will be expected to identify, classify and analyse the meanings of symbol in the ritual of Gawe Padi ceremony of the Salako community, Sarawak, which have never been studied before. New theories and interpretation of the symbols in the ritual of Gawe Padi ceremony may be found through analysis in this research.

Key terms: Ritual, symbol, Gawe Padi ceremony, Salako Community

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Upacara *Gawe Padi* merupakan salah satu upacara paling penting dalam budaya masyarakat Salako yang disambut oleh masyarakat Salako setiap tahun. Upacara ini merupakan salah satu cara untuk mengucapkan kesyukuran dan memohon restu daripada *Jubata* (tuhan). Dalam kehidupan masyarakat Salako, mereka mempercayai bahawa padi mempunyai roh dan semangat yang perlu dipuja dan diberi makan supaya mereka dapat menghasilkan padi yang baik. Selain itu, ia bertujuan untuk memohon agar *Jubata* memelihara setiap ahli keluarga masyarakat Salako ini terpelihara daripada sebarang unsur-unsur jahat yang boleh mengganggu ketenteraman serta kesihatan ahli keluarga tersebut.

Kebanyakan upacara ritual yang diamalkan oleh masyarakat Salako di daerah Sematan masih mengekalkan tradisi lama yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Namun begitu, terdapat juga perubahan dalam ritual-ritual yang dilakukan seiring dengan perubahan masa dan dalam kalangan masyarakatnya yang telah mempunyai pegangan agama seperti agama Islam dan Kristian. Walaupun begitu, ikatan kekeluargaan dalam kalangan masyarakat ini masih kuat sehingga peranan agama itu diketepikan untuk tujuan menyambut *Gawe Padi* pada setiap tahun. Keadaan ini disebabkan masyarakat Salako ini masih mempunyai pegangan tradisi di

mana sekiranya ritual ini dihapuskan, mereka akan mengalami beberapa masalah terutamanya yang berkaitan dengan padi yang akhirnya menyebabkan hasil padi berkurangan atau tidak akan menjadi. Hal ini adalah disebabkan konsep *tulah* yang terdapat dalam budaya masyarakat Salako.

Ritual merupakan salah satu cara sesuatu masyarakat menyampaikan pesan ataupun hajat dengan mengguna perantara untuk menyampaikan kepada tuhan mereka. Ritual adalah berbeza mengikut adat dan amalan sesebuah masyarakat. Namun begitu, ia mempunyai fungsi yang sama di mana setiap ritual yang disampaikan itu bertujuan untuk menyampaikan rasa kesyukuran berterima kasih ataupun cara untuk memohon restu sebelum menjalankan sesuatu aktiviti yang melibatkan adat dalam sesebuah masyarakat pengamalnya. Menurut Mulyana (2000:25), Ritual amat berkait rapat dengan sesebuah masyarakat di mana kepelbagaian upacara yang berlainan akan dijalankan sepanjang tahun untuk kesejahteraan. Menurut (Gennep, 1960), masyarakat juga mengucapkan kata-kata ataupun menggunakan tingkah laku yang berbentuk simbolik sebagai tanda untuk menyatakan ritual yang ingin disampaikan. Contohnya adalah seperti berdoa, solat, membaca kitab suci, menunaikan haji dan berdiri tegak apabila menyanyikan lagu kebangsaan. Ritual ini adalah sebagai tanda untuk menyatakan komitmen mereka terhadap tradisi keluarga, kaum, bangsa, negara, ideologi dan agama.

Ritual merupakan satu acara atau perilaku yang bertujuan untuk memaparkan adat serta tradisi sesuatu masyarakat secara simbolik. Ritual ini mempunyai beberapa definisi yang menurut ahli antropologi. Antaranya, ritual berasal dari perkataan Latin iaitu *ritualis* yang bermaksud apa-apa sahaja perkara yang berkaitan dengan upacara (Boudewijnse:1998). Menurut Couldry (2005:60), ritual merupakan suatu upacara yang diwarisi secara turun temurun, berbentuk formal dan mengandungi unsur-unsur ghaib. Menurut beliau lagi, ritual ini mengandungi perilaku-perilaku yang telah dirancang yang akan menjadi ikutan keturunan masyarakat ini pada masa akan datang dan dijadikan sebagai simbolik pengaruh dalam sesuatu masyarakat. Antara ritual masyarakat Salako yang diwarisi daripada nenek moyang mereka adalah seperti ritual perkahwinan, kelahiran, kematian, *Gawe Padi* dan doa selamat apabila beroleh sesuatu kejayaan seperti telah menamatkan pengajian di universiti. Menurut Smith (2005), ritual merupakan satu idea dan hubungan yang bukan sahaja melibatkan seorang manusia dengan manusia yang lain, bahkan juga mengaitkan satu zaman dengan zaman yang lain. Turner (1969) pula menyatakan bahawa ritual merupakan satu alat transformasi di mana di dalam setiap persembahan ritual mengandungi unsur-unsur simbolik. Menurut beliau lagi, dalam proses pembentukan peraturan sosial setiap perlakuan atau persembahan perlulah dilakukan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Perlakuan atau peraturan yang telah wujud itu akan menentukan sama ada ritual yang dijalankan itu akan mendatangkan hasil ataupun tidak. Selain itu, persembahan dan perlakuan ritual yang dilakukan merupakan salah satu cara penzahiran simbol dalam proses penyatuan orang yang memohon kuasa dan yang memberikan kuasa (merujuk kepada pemilik kuasa ghaib).

Ritual yang dilakukan merupakan salah satu unsur yang terdapat di dalam adat sesuatu masyarakat. Menurut Masyarakat Salako, adat merupakan mekanisme yang mengawal tingkah laku setiap makhluk di alam semesta menurut hukum alam. Oleh itu, adat telah dijadikan sebagai nilai dan peraturan yang perlu dipatuhi bagi mengawal tingkahlaku masyarakat. Adat ini juga dianggap sebagai *mutual cooperation* di mana adat ini dijadikan sebagai etika atau tatacara sosial yang bertindak serta mengawal

keharmonian dalam sesuatu masyarakat. Secara tidak langsung, adat ini berperanan sebagai pembentuk tamadun masyarakat.

Ritual yang berlaku turut berkait rapat dengan simbol. Setiap masyarakat menggunakan simbol dalam ritual-ritual yang berkaitan dengan kehidupan seharian mereka. Setiap simbol yang terdapat di dalam ritual tersebut mempunyai maknanya yang tersendiri. Simbol berperanan sebagai mekanisme untuk menyampaikan mesej atau salah satu cara untuk berkomunikasi. Menurut masyarakat Salako, simbol yang wujud di dalam ritual yang diamalkan perlu dipatuhi dan dihormati. Ini adalah kerana mereka mempercayai simbol-simbol tersebut mempunyai roh dan semangat dan sekiranya tidak dihormati atau dipatuhi akan mendatangkan kesan yang tidak baik atau lebih dikenali sebagai *tulah*. Mereka sangat percaya bahawa kesejahteraan hidup di dalam masyarakat sangat bergantung kepada keberkatan yang dipohon daripada *Jubata* (Tuhan). Contohnya di dalam ritual Basamsam di dalam *Gawe Padi*, masyarakat Salako perlu meletakkan daun widodok di hadapan rumah mereka sebagai simbol bahawa mereka sedang berpantang dan tiada sesiapa dibenarkan untuk memasuki ataupun keluar daripada rumah tersebut. Sekiranya adat ini tidak dipatuhi, ahli keluarga rumah tersebut akan dikenakan denda yang akan ditentukan oleh ketua adat masing-masing. Denda yang dikenakan adalah mengikut adat masyarakat dan akan ditentukan oleh Ketua Adat.

METODOLOGI

Kajian lapangan yang dijalankan menggunakan kaedah *participation-observation* dan temu bual etnografi.

Kerja Lapangan (Fieldwork)

Participation-observation atau dikenali sebagai pemerhatian telah dilakukan pada bulan Januari 2018 hingga Jun 2019 dengan berulang alik ke Kampung Siru Dayak dan Kampung Biawak Sematan, Sarawak. Terdapat tiga belas upacara padi yang dijalankan oleh masyarakat Salako sepanjang pemerhatian itu dijalankan. Upacara-upacara tersebut adalah *Madagi, Ngawah, Berhuma, Pembersihan Sawah Padi, Ngabu, Menampi Banih, Nugal, Akak Pagar, Nyiang Bunting, Ngarantika, Nurunni', Baranok* dan *Ngabayatn*. Kesemua upacara ini perlu dilakukan bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku ke atas tanaman padi.

Temu Bual Etnografi

Kaedah temu bual etnografi digunakan secara meluas oleh pengkaji. Pengkaji berada di kawasan kajian sepanjang tahun 2018 dan 2019 secara berulang alik bagi mendapatkan data dan membuat pemerhatian untuk kajian ini. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan data yang sahih daripada beberapa orang informan. Informan-informan yang terlibat di dalam kajian ini ialah dua orang Ketua Adat iaitu Encik Akang anak Lani (79 tahun) yang merupakan ketua adat tertinggi (*Binua*), Ketua Adat Kampung Biawak iaitu Encik Siru Anak Bidin (69 tahun), Pengarah Uma iaitu Encik Lobo Anak Bikok (75 tahun) dan beberapa orang penduduk Kampung Siru Dayak dan Kampung Biawak iaitu Encik Rabin anak Pujun (50 tahun), Puan Midi Anak Banting (79 tahun), Encik Willie Anak Muin (61 tahun), Puan Lina Anak Kerani (56 tahun), Encik Rambe Anak Ahang (53 tahun), Encik Tair Anak Mawar (49 tahun) dan Encik Sagang

(61 tahun). Temu bual dijalankan dengan bertanya mengenai latar belakang ketua adat tersebut sebelum menjurus kepada soalan-soalan yang lebih menjurus kepada isi kajian yang dikaitkan dengan objektif kajian. Temu bual menjurus kepada fasa-fasa *Gawe Padi* dalam masyarakat Salako dan ritual-ritual yang diadakan sepanjang upacara *Gawe Padi* dijalankan.

Pemerhatian (Participant-Observation)

Participant-Observation atau pemerhatian yang telah dilakukan pada April 2018 hingga Jun 2019 dengan berulang alik ke daerah Sematan sekiranya ada ritual dijalankan. Teknik ini digunakan setiap kali berlakunya ritual yang dijalankan oleh ketua adat masyarakat Salako di kampung-kampung daerah Sematan. Pemerhatian kali pertama dijalankan ketika masyarakat Salako mengadakan ritual bagi memohon restu daripada *Jubata* terhadap biji benih tanaman mereka. Pengarah uma merupakan orang yang dipertanggungjawabkan untuk mengadakan ritual ini di rumah adat (*Pabuisant*). Ritual ini dijalankan supaya benih padi yang akan ditanam nanti akan menghasilkan tanaman yang subur dan sentiasa dipelihara oleh *Jubata* daripada sebarang masalah.

Kajian Perpustakaan

Kaedah kajian keperpustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian-kajian lepas dan ulasan karya. Data mentah seperti buku, risalah, dokumen, surat khabar, majalah, laporan, laman web, jurnal, kertas kerja, manuskrip tesis dan seumpamanya dijadikan sebagai bahan untuk dianalisis bagi menjelaskan beberapa persoalan yang dikenal pasti. Ini amat penting bagi memastikan hasil kajian mempunyai bukti dan panduan dalam penghasilan penulisan tesis yang bermutu. Kaedah keperpustakaan ini merupakan kaedah yang berkaitan dengan pencarian maklumat-maklumat umum dengan kata kunci bagi sesuatu kajian. Kata kunci bagi kajian ini ialah ritual, amalan tradisi, kepercayaan, simbol, amalan agama dan sebagainya. Untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat-maklumat yang berkaitan kajian ini, pengkaji telah pergi ke beberapa buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Negeri Sarawak, Perpustakaan Muzium Sarawak, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Arkib Negara, Perpustakaan UPM Kampus Bintulu dan Perpustakaan UNIMAS. Selain itu, pengkaji juga turut merujuk beberapa penulisan yang berkisar dengan kajian yang hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Rujukan asas ini penting agar penulisan pengkaji tidak terpesong dari landasan yang sebenar. Kajian keperpustakaan juga dilakukan oleh pengkaji dengan membuat pencarian di Internet. Antara bahan yang diperolehi melalui pencarian di Internet ialah jurnal-jurnal antarabangsa di samping jurnal-jurnal di dalam negara. Walaupun pelbagai maklumat senang diakses, namun pengkaji hanya memilih maklumat yang berkaitan dengan kajian ritual, simbol dan amalan animisme sahaja yang boleh diambil bagi dijadikan sebagai sumber rujukan dalam kajian ini. Kaedah kepustakaan ini dilakukan bagi menambahkan pengetahuan berkaitan tajuk kajian dengan lebih mendalam.

DAPATAN KAJIAN

Aktiviti penanaman padi merupakan salah satu upacara yang paling besar diadakan oleh masyarakat Salako di daerah Sematan, Lundu Sarawak. Masyarakat Salako sangat percaya bahawa semangat padi perlu dianggap dan dilayan seperti

seorang raja. Beberapa ritual perlu diadakan bagi menghormati semangat padi tersebut di samping memohon restu daripada *Jubata* yang terdapat di sekeliling alam. Ritual *Gawe Padi* masyarakat Salako yang diadakan setiap tahun terdiri daripada beberapa fasa dan mengandungi beberapa simbol.

Madagi (Upacara Nyangahatn Benih Tanaman)

Fasa pertama adalah ritual yang dijalankan untuk benih-benih tanaman yang dikenali sebagai *Madagi*. Semua benih-benih tanaman termasuk benih padi perlu di *Nyangahatn* bagi memastikan benih-benih tersebut akan mengeluarkan hasil yang baik. Semua masyarakat Salako di kampung tersebut yang berhajat untuk bercucuk tanam perlu membawa benih tanaman masing-masing ke Rumah Adat untuk di *Nyangahatn* oleh Ketua Adat. *Buis* perlu disediakan sebelum upacara *Nyangahatn* dijalankan oleh Ketua Adat. Biji-biji benih yang dibawa oleh penduduk kampung tersebut merupakan biji benih yang diperolehi dari turun temurun dan telah diketahui bahawa biji benih tersebut adalah yang terbaik dan akan memberikan hasil yang sangat subur. *Pengarah Uma* akan melakukan *Nyangahatn* di Rumah Adat dan setiap petani perlu memberi sumbangan untuk upacara tersebut sama ada dalam bentuk wang ringgit atau keperluan *Nyangahatn* seperti ayam, tepung, beras pulut dan sebagainya. Tujuan upacara ini diadakan bagi memohon supaya *Jubata* menjaga benih padi yang akan ditanam nanti dan akan menghasilkan tanaman yang subur. *Buis* yang disediakan adalah untuk dipersembahkan kepada *Jubata* sebagai tanda penghormatan dan untuk dimakan beramai-ramai selepas upacara tersebut.

Ngawah (Buka Tanah)

Fasa yang kedua yang dijalankan adalah *Ngawah* atau lebih dikenali sebagai *Nurunatn Darah Manok*. Pada peringkat ini, para petani akan membuka kawasan tanah untuk menjalankan penanaman padi. Pembenuhan benih padi akan dijalankan di mana Ketua Adat akan melakukan upacara di tengah-tengah bendang tersebut. Peralatan seperti sirih, pinang, *pango* (kayu kecil) yang dipotong pendek sebanyak 3 batang perlu disediakan dan diletakkan di tengah-tengah bendang tersebut. Sebiji tempayan yang diisi dengan emas dan perak diletakkan di tepi bendang. Manakala sebiji mangkuk perlu diletakkan di atas tempayan tersebut. Selain itu, *Buis* perlu diletakkan di atas susunan kayu yang disebut sebagai *kangkang*. Tujuan upacara ini dijalankan adalah untuk meminta izin kepada semua penunggu tanah seperti *Jubata Kayu*, *Jubata Rotan*, *Jubata Air*, *Jubata Tanah*, *Jubata Angin*, roh-roh orang yang telah meninggal dan lain-lain bahawa para petani akan mula menanam padi di kawasan tanah tersebut. Upacara ini perlu dilakukan bagi memastikan kerja-kerja pembersihan berjalan lancar dan tidak diganggu oleh penunggu-penunggu kawasan tersebut. Peralatan-peralatan yang digunakan di dalam upacara ini adalah sebagai simbol bahawa tanah tersebut dijaga oleh *Jubata* daripada sebarang kejahatan.

Berhuma (Semai 7 Biji Benih)

Selepas upacara ritual selesai dijalankan, petani akan mula menyemai tujuh biji benih pada kawasan penanaman padi. Ketua Adat akan memulakan penyemaian benih di tapak semaian dan diikuti oleh petani-petani yang lain. Tujuh biji benih padi yang telah dipilih dan disimpan ketika musim menuai padi sebelum ini merupakan benih pertama yang mesti ditanam di kawasan semaian padi tersebut. Hal ini adalah sebagai tanda bahawa hasil tanaman akan tumbuh dengan subur dengan adanya benih padi yang telah dipilih daripada hasil padi yang baik. Benih padi itu juga telah di

Nyangahatn dan telah dipersembahkan kepada *Jubata* untuk memohon keberkatan. Selain itu, tujuh biji benih padi ini ditanam terlebih dahulu adalah untuk menghalau segala makhluk jahat yang boleh merosak benih padi itu daripada tumbuh dengan subur. Setelah upacara ini dilakukan barulah benih-benih padi yang lain boleh ditanam.

Pembersihan Kawasan Sawah Padi

Pada peringkat ini, semua petani akan mula membersihkan kawasan sawah padi masing-masing (Gennep, 2013). Kayu-kayu besar ditebang dan dikumpul di satu tempat yang telah ditetapkan untuk upacara seterusnya. Ketua Adat akan mengetuai aktiviti pembersihan ini. Sebelum upacara pembersihan tersebut, Ketua Adat akan melakukan upacara *Nyangahatn* di kawasan penanaman sawah tersebut. Peralatan seperti tempayan dan ayam diperlukan untuk melakukan upacara tersebut. Tujuan upacara ini dilakukan adalah untuk memberitahu kepada semua *Jubata* bahawa aktiviti pembersihan tanah akan dilakukan. Upacara ini juga diadakan bagi mengelakkan penunggu-penunggu tanah di kawasan tersebut daripada terkejut kerana kawasan mereka diganggu. Selain itu, para petani perlu memohon restu daripada *Jubata* agar perjalanan aktiviti pembersihan tanah tersebut berjalan dengan lancar. Ayam yang dibawa tadi akan dikibar di sekeliling kawasan penanaman padi sebagai simbol untuk meminta penunggu tanah tersebut lari ke tempat lain. Selepas proses penebangan dan pembersihan tanah dilakukan, semua kayu yang telah dikumpul perlu dibakar. Sebelum pembakaran dimulakan, upacara *Nyangahatn* perlu dilakukan oleh Ketua Adat. Peralatan seperti sirih, pinang dan ayam yang telah disembelih dan diletakkan di atas *kangkang* disusun di tepi sawah padi sebelum upacara tersebut. Ketua Adat akan memulakan upacara dengan membaca jampi-jampi yang telah diwarisi sejak turun temurun. Tujuan upacara ini diadakan adalah untuk memberitahu kepada penunggu tanah bahawa mereka akan memulakan aktiviti pembakaran kayu-kayu yang telah ditebang dan supaya penunggu tersebut tidak akan terkejut.

Ngabu (Untuk Kesuburan Tanah)

Selepas kayu-kayu telah habis dibakar, Ketua Adat akan menjalankan upacara *Ngabu* iaitu upacara bagi memohon daripada *Jubata* supaya tanah yang telah dibersihkan itu akan menjadi tanah yang subur. Peralatan seperti ayam yang diletakkan di atas *kangkang*, tempayan dan mangkuk perlu diletakkan di tepi sawah padi. Ketua adat akan melakukan *Nyangahatn* di kawasan sawah padi tersebut. Ayam yang diletakkan di tepi sawah ada sebagai simbol *Jubata* yang menjaga tanah tersebut daripada sebarang perkara jahat. Manakala tempayan dan mangkuk yang terdapat di tepi sawah adalah sebagai simbol untuk meminta supaya tanah tersebut akan menghasilkan tanaman yang lumayan.

Menampi Banih (Benih Tanaman Ditampi)

Upacara *Menampi Banih* ini dilakukan oleh Ketua Adat di rumah petani-petani. Untuk melaksanakan upacara ini, *Buis* perlu disediakan sebelum Ketua Adat memulakan upacara *Nyangahatn*. Kebiasaannya, penduduk kampung akan melakukan aktiviti bergotong-royong sehari sebelum upacara tersebut untuk menyiapkan *Buis*. Setelah peralatan telah disediakan, Ketua Adat akan memulakan upacara *Nyangahatn*. Ketika upacara *Nyangahatn* dijalankan, seorang petani perlu menampi benih padi dan seekor ayam perlu dikibas. Tujuan upacara ini diadakan adalah supaya benih tersebut akan menjadi subur dan tumbuh dengan cepat dan menghasilkan buah dalam masa yang singkat.

Nugal

Hari berikutnya selepas upacara Menampi Banih, Ketua Adat akan melakukan upacara Nugal di sawah padi. Upacara ini adalah upacara menyemai benih padi secara besar-besaran. Sebelum benih padi disemai, Ketua Adat akan melakukan upacara *Nugal* yang memerlukan beberapa peralatan disediakan dan di bawa ke sawah padi. Antara peralatan yang perlu disediakan adalah seperti tujuh biji benih padi, Serai Manamur, sirih, pinang, batang daun simpur, akar kayu bermata yang diambil dari hutan dan bunga selasih. Satu lubang dibuat di tengah-tengah sawah padi untuk *menugal* (menanam) tujuh biji benih permulaan tersebut. Batang daun simpur, akar kayu bermata, sirih, pinang dan bunga selasih diletakkan di tepi lubang tersebut sebagai simbol memohon kesuburan bagi benih yang ditanam. Manakala Serai Manamur ditanam di empat penjuru sawah padi tersebut. Serai Manamur yang ditanam di empat penjuru tersebut pula adalah simbol cahaya yang akan menerangi kawasan sawah padi. Selepas upacara ini dilakukan barulah petani-petani boleh menanam benih padi secara besar-besaran di kawasan sawah padi tersebut. Penanaman benih padi perlu dilakukan secara berperingkat-peringkat bagi mengelakkan padi tersebut masak secara serentak dan para petani tidak mampu untuk menuai padi dalam jumlah yang banyak pada masa yang singkat. Sekiranya padi yang telah masak tidak dituai dengan segera, padi itu akan menjadi rosak dan buruk.

Akak pagar (Memohon Kesuburan Benih Padi)

Upacara seterusnya dilakukan selepas menanam benih padi adalah upacara *Akak Pagar*. Ketua adat perlu melakukan upacara ini bagi memohon kesuburan benih padi yang telah ditanam daripada *Jubata*. Selain itu, upacara ini dilakukan bagi memohon supaya tanaman padi terhindar daripada penyakit padi, terlindung daripada bencana dan memohon supaya semua roh jahat dan makhluk halus tidak menyakiti dan mengganggu semangat padi dan semangat keluarga petani tersebut dan juga sebagai simbol untuk memberi makan kepada roh-roh jahat, semangat padi dan roh-roh nenek moyang yang telah lama meninggal dunia. Seekor ayam disembelih di kawasan sawah padi tersebut. *Buis* juga perlu disediakan untuk upacara *Nyangahatn* yang akan dilakukan oleh Ketua Adat. Ayam dan *Buis* tersebut diletakkan di atas kangkang dan ditempatkan di tepi sawah padi.

Nyiang Bunting (Padi Mula Berbuah)

Pada peringkat ini, Ketua Adat dan Pengarah Uma akan ke sawah padi untuk sama-sama melakukan upacara tersebut. *Buis* disediakan sehari sebelum upacara ini dijalankan. *Buis* perlu diletakkan di atas *kangkang* di tengah-tengah sawah padi. Tujuan upacara ini diadakan adalah supaya *buis* yang telah disediakan ini menjadi simbol sebagai makanan yang diberikan kepada malaikat, penjaga sawah padi dan roh-roh orang yang telah lama meninggal duniadengan harapan mereka akan kekenyangan dan tidak akan mengganggu lagi padi yang sudah menghasilkan buah di kawasan sawah padi tersebut.

Ngarantika (Mengambil 7 Tangkai Benih Padi)

Upacara *Ngarantika* adalah upacara yang perlu dilakukan oleh Ketua Adat apabila padi sudah mula masak dan boleh dituai. Pada ketika ini, padi fasa pertama sudah mula masak dan Ketua Adat perlu mengadakan upacara *Nyangahatn* di tengah-tengah sawah padi dan seterusnya mengadakan *Nyangahatn* di rumah petani-petani

yang telah menanam padi di kawasan tersebut pada hari yang berikutnya. Selain itu, Ketua Adat juga perlu mengambil tujuh tangkai padi untuk dijadikan benih pada musim menanam padi akan datang. Upacara *Ngarantika* ini dilakukan selama dua hari berturut-turut. Pada hari pertama, Ketua Adat akan mengambil tujuh tangkai padi dan diletakkan di dalam raga. Kemudian, *Buis* perlu diletakkan di atas *Kangkang* yang ditempatkan di tengah-tengah sawah padi. Upacara ini dilakukan adalah sebagai simbol pemberian makan kepada semua penunggu yang terdapat di tanah tersebut supaya mereka tidak mengganggu hasil tanaman padi yang telah mula masak. Selain itu, upacara ini juga adalah sebagai tanda memohon agar *Jubata* memberi perlindungan kepada hasil tanaman mereka yang masih belum dituai. Pada hari berikutnya pula, upacara *Nyangahatn* dilakukan seawal pagi di luar rumah Ketua Adat. Upacara ini perlu dilakukan pada awal pagi sebelum matahari terbit. Hal ini adalah kerana *Jubata* akan turun awal ke bumi dan Ketua Adat akan memanggil *Jubata* tersebut bagi memberikan keberkatan kepada hasil tanaman padi mereka.

Nuruntni' (Menuai Padi)

Upacara *Nuruntni'* adalah upacara yang dilakukan selepas hari keempat upacara *Ngarantika* diadakan. Upacara ini adalah sebagai simbol untuk memanggil *Jubata* turun ke bumi dan memberi makan padi baharu yang telah dituai. Pada peringkat ini, nasi daripada beras baharu dijadikan sebagai *poek*. Padi baharu yang telah dituai itu perlu dilayan seperti raja kerana bagi masyarakat Salako, sekiranya padi baharu itu tidak dihormati hasil padi pada musim akan datang tidak akan memberikan hasil yang baik. *Buis* yang telah di *Nyangahatn* juga adalah sebagai simbol makanan yang dijadikan sebagai bekalan *Jubata* untuk dibawa bersama-sama ketika pulang dan diberikan kepada keluarga mereka.

Baronak (Menyimpan Padi)

Upacara *Baronok* pula dilakukan selepas semua padi telah selesai dituai. Padi yang telah dituai itu akan disimpan di *Lumbung* (rumah atau dango padi). Upacara *Nyangahatn* juga perlu dilakukan dengan mengguna *Buis* dan seekor ayam. *Beliong* dan *Paradah* perlu diletakkan di atas *Angko* iaitu tempat untuk meletakkan padi sebagai simbol penjaga yang akan menjaga padi tersebut sepanjang padi itu berada di dalam *Lumbung*. Tujuan upacara *Baronok* ini dijalankan adalah untuk memohon supaya *Jubata* menjaga padi-padi tersebut.

Ngabayatn (Tanda Kesyukuran)

Upacara *Ngabayatn* adalah upacara terakhir yang dilakukan selepas selesai musim menuai padi. Upacara ini merupakan upacara yang dilakukan setiap tahun secara besar-besaran sebagai tanda mengucapkan kesyukuran kepada *Jubata* kerana telah memberikan hasil tanaman padi yang lumayan pada tahun tersebut. Ketika upacara ini dilakukan, seluruh penduduk kampung akan bergotong-royong untuk membuat persiapan terutamanya *Buis* yang perlu disediakan untuk upacara *Nyangahatn*. Persembahan seperti *Tarian Totonk* juga diadakan pada ketika itu bagi menunjukkan kegembiraan masyarakat Salako di atas hasil tanaman padi yang lumayan pada tahun tersebut. Penduduk kampung akan berkumpul beramai-ramai untuk sama-sama menikmati *Buis* yang telah disediakan.

PERBINCANGAN

Melalui pemerhatian selama setahun setengah secara berulang alik di daerah Sematan dan maklumat yang telah diperolehi daripada beberapa orang informan termasuk Ketua Adat, Pengarah Uma dan penduduk kampung menunjukkan bahawa ritual Gawe Padi mengandungi 13 peringkat yang terdiri daripada *Madagi, Ngawah, Berhuma, Pembersihan Sawah Padi, Ngabu, Menampi Banih, Nugal, Akak Pagar, Nyiang Bunting, Ngarantika, Nuruntni, Baranok* dan *Ngabayatn*. Setiap upacara yang dijalankan mengandungi peralatan dan perkakas tertentu yang perlu disediakan sebelum Ketua Adat boleh meneruskan sesuatu upacara *Nyangahatn*. Peralatan-peralatan dan perlakuan yang dibuat oleh Ketua Adat tersebut merupakan simbol sebagai perantara di antara para petani dengan *Jubata*. Setiap peringkat upacara ritual tersebut tidak boleh ditinggalkan kerana masyarakat Salako sangat percaya jika tidak dijalankan akan mendatangkan kemudaratan kepada diri petani, keluarga petani dan masyarakat di sekeliling mereka.

Masyarakat Salako sangat percaya semangat padi perlu dijaga dan setiap upacara ritual yang dijalankan hendaklah dijalankan mengikut adat dan dijalankan oleh Ketua Adat dan Pengarah Uma. Adat yang telah diamalkan sejak dahulu lagi akan tetap menjadi pegangan masyarakat ini kerana mereka amat menjaga keharmonian di dalam masyarakat itu sendiri. Walaupun ada dalam kalangan mereka yang telah memeluk agama Islam dan menganut agama Kristian, namun perkara itu tidak membataskan mereka untuk terus mengekalkan adat tersebut kerana bagi mereka adat itu tidak bercanggah dengan agama yang menjadi pegangan mereka.

Ritual yang dijalankan di dalam *Gawe Padi* ini mengandungi simbol-simbol yang mempunyai maknanya yang tersendiri. Setiap peralatan dan upacara yang dilakukan ada maksud tersirat yang perlu diketahui. Ketua Adat hendaklah melakukan *Nyangahatn* mengikut peringkat yang telah ditetapkan. Upacara ritual ini juga diadakan untuk menghormati atau memberi makan kepada semangat padi dan balasannya sawah padi akan berada dalam keadaan yang baik, pokok padi tumbuh dengan subur, hasil padi lumayan dan kesejahteraan keluarga terjamin. Simbol terdiri daripada bentuk yang berupa corak pemikiran masyarakat di mana cara sesebuah masyarakat mengintepretasi simbol dengan sesebuah masyarakat yang lain tidak akan sama. Selain itu, simbol tidak hanya terbatas kepada bahasa sahaja tetapi juga mempunyai maksud tersirat.

Masyarakat Salako sangat percaya bahawa upacara ritual *Gawe Padi* yang dijalankan adalah sebagai tanda untuk mengucapkan kesyukuran kepada tuhan iaitu *Jubata*. Selain itu, masyarakat ini masih mengamalkan adat lama ini dengan tujuan untuk merapatkan hubungan kekeluargaan di dalam masyarakat itu sendiri.

Bacaan mantera dan penyediaan peralatan untuk digunakan di dalam setiap ritual *Gawe Padi* adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah harian yang berkaitan dengan penanaman padi. Ketua adat akan menjalankan ritual untuk memohon kebenaran daripada makhluk-makhluk ghaib sebelum memulakan sesuatu upacara ritual. Simbol yang terdapat di dalam ritual *Gawe Padi* ini digambarkan dengan tujuan sesuatu perlakuan itu dibuat. Ketua Adat merupakan wakil kepada masyarakat setempat untuk berkomunikasi dengan alam ghaib.

Ritual *Gawe Padi* ini dapat meleraikan segala permasalahan yang berkaitan dengan padi. Antara permasalahan yang sering berlaku ialah gangguan makhluk halus, penyakit, haiwan perosak dan sebagainya. Selepas ritual-ritual ini dijalankan, mereka yakin bahawa tanaman mereka dijaga sepenuhnya oleh *Jubata Tanah, Jubata Air*,

Jubata Langit, Jubata Udara, Jubata Kayu dan seluruh *Jubata* yang terdapat di alam semesta ini. Oleh itu setiap kali selesai musim menuai padi, padi baharu yang diperolehi itu hendaklah diraikan dan masyarakat Salako akan mengadakan upacara secara besar-besaran.

Masyarakat Salako sangat patuh dan sangat menghormati adat dan ritual yang diwarisi daripada masyarakat terdahulu kerana mereka sangat takut sekiranya mereka akan *tulah* dan mendapat *idap*. Oleh itu, Ketua Adat telah dilantik di setiap perkampungan masyarakat Salako ini untuk menjalankan upacara ini kerana upacara ritual ini tidak boleh dilakukan oleh orang sebarangan. Sekiranya Ketua Adat tidak dapat menjalankan ritual ini, maka hendaklah Ketua Adat tersebut memilih orang yang diyakini boleh melakukan upacara itu bagi menggantikannya untuk sementara waktu.

RUMUSAN

Upacara ritual *Gawe Padi* telah banyak mempengaruhi pembentukan sosiobudaya dan amalan kepercayaan dalam kalangan masyarakat tradisional Salako di daerah Sematan, Lundu. Masyarakat Salako sangat percaya bahawa semangat padi perlu dijaga dan dihormati seperti seorang raja kerana mereka yakin perkara tidak baik akan berlakunya sekiranya mereka tidak menjaga dan melayan semangat padi ini dengan baik. Upacara ritual padi yang dijalankan adalah untuk menjaga keharmonian dan memelihara keseimbangan di antara manusia dan alam ghaib serta keadaan alam sekitar agar hasil tuaian pada tahun hadapan akan tetap subur. Pelbagai ritual yang mengandungi pelbagai persembahan peralatan dan makanan serta mantera-mantera tertentu yang dijalankan pada setiap peringkat penanaman padi bagi menjaga semangat padi ini dan memastikan keseimbangan hubungan di antara manusia dan alam spiritual. Ketua Adat menjadi perantara yang telah diamanahkan untuk menghubungkan di antara alam spiritual dan alam nyata dan upacara *Nyangahatn* merupakan simbol kepada komunikasi di antara Ketua Adat dengan alam spiritual tersebut. Dengan adanya upacara ritual yang dijalankan ini, petani-petani dapat menuai padi dengan hasil yang lumayan. Kejayaan memperolehi hasil tuaian yang lumayan ini perlu diraikan beramai-ramai dengan mengadakan pelbagai upacara ritual *Gawe Padi*.

Tiga belas peringkat upacara ritual penanaman padi iaitu *Madagi, Ngawah, Berhuma, Pembersihan Sawah Padi, Ngabu, Menampi Banih, Nugal, Akak Pagar, Nyiang Bunting, Ngarantika, Nuruntni', Baranok* dan *Ngabayatn* merupakan upacara yang wajib diadakan kerana telah menjadi satu kepercayaan bagi masyarakat Salako dan jika tidak dilakukan akan mendatangkan kesusahan atau *tulah* kepada masyarakat tersebut. Ritual *Gawe Padi* yang telah diwarisi daripada nenek moyang ini perlu diteruskan oleh masyarakat Salako selagi masih ada aktiviti penanaman padi ini dilakukan walaupun terdapat beberapa kelompok masyarakat ini yang telah menganut agama Islam dan Kristian. Masyarakat ini sangat percaya bahawa adat yang telah diamalkan sejak dahulu lagi ini tidak boleh ditinggalkan dan tidak bertentangan dengan setiap agama yang mereka anuti. Masyarakat Salako juga sangat yakin bahawa sekiranya semangat padi telah dijamu dan dilayan seperti raja, semangat-semangat jahat tidak akan mengganggu tanaman padi mereka kerana *Jubata* telah membantu untuk menjaga tanaman tersebut. Tanaman padi mereka juga akan memberikan hasil yang lumayan. Masyarakat Salako sangat bergantung terhadap hasil tanaman padi kerana ia merupakan makanan ruji bagi masyarakat ini dan setiap

upacara yang dijalankan wajib menggunakan nasi sebagai jamuan. Jika upacara ritual ini tidak dijalankan, perkara yang tidak elok akan berlaku kepada keluarga petani dan masyarakat yang tinggal di kawasan tersebut. Antara masalah-masalah yang akan dihadapi adalah seperti selalu mendapat mimpi yang buruk, sering sakit, ditimpa kecelakaan dan kesusahan serta tanaman padi akan mati.

Oleh itu, adat dan upacara ritual yang diwarisi daripada nenek moyang ini telah menjadi pegangan masyarakat Salako sejak dahulu lagi sehinggalah kemunculan agama-agama baharu seperti Islam dan Kristian. Namun begitu, walaupun ada di antara mereka telah memeluk agama Islam dan menganut agama Kristian, upacara ritual ini masih juga diteruskan kerana takut akan ditimpa musibah atau *tulah*.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia penyelidikan Dr. Mohamad Maulana Bin Magiman yang telah memberi sepenuh bimbingan dalam menyiapkan kajian. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Dr Norhuda Bin Salleh yang telah membimbing, memberi idea dan memberi nasihat sepanjang kajian dijalankan. Penulis turut merakamkan ucapan terima kasih kepada masyarakat Salako daerah Sematan terutamanya informan-informan yang telah banyak menyumbang dapatan dan menyokong pelaksanaan kajian ini.

RUJUKAN

- Bell, C. (1992). *The Ritual Theory: Ritual Practice*. London: Oxford University Press.
- Geertz, C. (1960). *The Religion of Java*. Chicago: University of Chicago Press.
- Gennep, A. Van. (1960). *Rites of Passage*. (J.Holm & J.Bowker, Ed.). London: Pinter Publishers Ltd.
- Maulana, M. (2011). Ritual Makan Tahun Tradisi Masyarakat Kadayan, Sarawak. In *Manusia dan Masyarakat*. (pp. 19–47).
- Norhuda, S. (2017). *Ritual dan Simbol dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu Sekinchan, Selangor*. University Malaya.
- Rappaport, R. A. (1999). *Ritual and Religion In the Making of Humanity*. United Kingdom: University of Cambridge.
- Sperber, D. (1975). *Rethinking Symbolisme*. Paris: University of Cambridge.
- Turner, V. (1967). *The Forest of Symbols: Aspects of Ndembu Ritual*. Ithaca: Cornell University Press.
- Turner, V. (1969). *The Ritual Process: Structure and Anti-Structure*. New Brunswick and London: Aldine Transaction.
- Womack, M. (2005). *Symbols and Meaning*. Walnut Creek, CA: Altamira Press.